



Buletin MAJLIS DAERAH KERIAN

مجلیس دائره کریان

BERSATU MEMBINA KEMAKMURAN

BIL. 2 / 2022



SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK

2022



/// MENARIK DI DALAM



FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA
TEMPATAN NEGERI PERAK
TAHUN 2022



PERTANDINGAN KIK HORIZON
BAHRU PERINGKAT NEGERI
PERAK TAHUN 2022



SEMARAK KEMERDEKAAN
PERINGKAT MAJLIS
DAERAH



KEMBARA MERDEKA
KELUARGA MALAYSIA
NEGERI PERAK 2022

Perutusan Yang Dipertua

BIL 2 / 2022 Julai - Disember 2022

CARI KAMI DI FACEBOOK
@mdkerianCARI KAMI DI TWITTER
@mdkerianIKUTI KAMI DI YOUTUBE
MAJLIS DAERAH KERIAN

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad

KETUA EDITOR

En. Azizul Nazli Bin Haji Mohamad
En. Mohamad Saddam Bin Jamaluddin

EDITOR

Puan Noraziah Binti Zainol Abidin
Pn. Rohaima Binti Abdul Rashid
Pn. Darwina Ashikin Binti Daud
Pn. Normezura Binti Mehat
Pn. Noorshezan Binti Sa'adan
Pn. Solehah Binti Saad
Pn. Zatil Ismah Binti Khirunnashat
Cik Nor Shahida Binti Nawayi@Nawawi
Cik Nor Afiqah Najihah Binti Ayop

PEREKA GRAFIK

En. Muhammad Asyraf bin Roslan

JURUGAMBAR

En. Rosmizan Bin Osman

DITERBITKAN OLEH

Bahagian Perhubungan dan Korporat
Majlis Daerah Kerian

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Daerah Kerian
No.1 Wisma MDK, Jalan Padang,
34200, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.

No. Tel : 05-7161228 **Fax:** 05-7169268
E-mel : pentadbiran@mdkerian.gov.my

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh
dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kurnia-Nya dapat kita bersua kembali di dalam Buletin Majlis Daerah Kerian bil. 2/2022.

Tahun 2022 akan melabuhkan tirainya dimana pelbagai suka duka dan pahit manis telah dilalui. Bagi tahun ini, banyak kejayaan telah diperoleh hasil usaha keras para pegawai dan anggota kerja untuk memastikan tahun 2022 menjadi tahun yang gemilang untuk seluruh warga kerja Majlis Daerah Kerian. Saya selaku pengurusan tertinggi merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian yang amat membanggakan sama ada di peringkat negeri maupun kebangsaan.

Majlis Daerah Kerian telah dipilih antara 10 bandar tahap tertinggi berdaya huni di Malaysia yang telah diumumkan oleh PLAN Malaysia di dalam majlis pelancaran Indeks Daya Huni Malaysia (IDAM). Anugerah ini merupakan satu cabaran baharu kepada pihak pengurusan majlis bagi mengekalkan kedudukan ini bagi penilaian tahun mendatang serta memastikan kriteria dan indicator yang ditetapkan dipenuhi selaras dengan perancangan pembangunan di daerah Kerian

Pihak pengurusan juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada kumpulan Inovasi majlis yang telah Berjaya memperoleh kedudukan yang baik di dalam pertandingan yang telah di anjurkan oleh Pejabat Setiausaha kerajaan Negeri Perak. Semoga akan ada lagi produk-produk yang memberi impak kepada masyarakat datak diketengahkan pada masa akan datang.

Akhir kalam, saya berharap segala pencapaian dan anugerah yang telah diterima menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga kerja majlis untuk meningkatkan usaha serta mutu perkhidmatan yang berkualiti dan lebih proaktif dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di daerah Kerian. Selamat Menyambut Tahun baru 2023

Sekian, Terima kasih.



(TUAN HELMI BIN YUSOF @ JUSOH A.M.P)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian



MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADА JABATAN DAN AGENSI TEKNIKAL PERINGKAT NEGERI DAN DAERAH TAHUN 2022

21 Disember – Satu majlis penyampaian sijil penghargaan dan cenderahati kepada Jabatan/ Agensi Teknikal Peringkat Negeri dan Daerah telah diadakan di Hotel Taiping Perdana, Taiping. Majlis ini adalah bagi menghargai usaha dan kerjasama Jabatan/ Agensi Teknikal yang telah membantu membekalkan data MURNInets kepada Majlis Daerah Kerian sehingga dianugerahkan Bandar Berdaya Huni Tertinggi 2021 serta Tempat Ke-3 Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2022.

Turut disampaikan adalah sijil penghargaan kepada Jabatan/ Agensi Teknikal yang telah mengemukakan ulasan teknikal bagi permohonan pelan pemajuan dalam tempoh ditetapkan sehingga membantu Majlis Daerah Kerian mencapai 100% permohonan pelan pemajuan berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam.

Sebanyak 22 Jabatan/ Agensi Teknikal hadir bagi menerima sijil penghargaan dan cenderahati yang telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh. Hadir sama ke majlis tersebut adalah Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Bahagian serta Ketua Unit Majlis Daerah Kerian.

Pada majlis tersebut juga, satu taklimat ringkas berkaitan Sustainable Development Goals (SDGs), Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) dan MURNInets telah diadakan yang mana telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap Majlis Daerah Kerian, TPr Haji Anas bin Dolah.



INSPEKTORAT SUSULAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN OLEH PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, IPOH

Kesinambungan daripada penganugerahan Lima Bintang kepada Majlis Daerah Kerian (MDK) di dalam Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2021, satu inspektorat susulan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Ipoh telah diadakan pada 19 Ogos 2022 (Jumaat) di Wisma MDK, Parit Buntar.

Inspektorat ini diketuai oleh Tn. Hj. Mohamad Foudzli bin Abdullah – Pengarah Keselamatan Kerajaan dan dibantu oleh En. Aminudin bin Ramli – Pegawai Keselamatan Kerajaan, En Idros bin Ko – Pembantu Keselamatan Kanan serta En. Alang Nan bin Ngah Guding – Pembantu Keselamatan Kanan.

Secara kesimpulannya pasukan inspektorat amat berpuas hati dengan tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh MDK berkaitan penemuan ketika Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan yang telah diadakan pada tahun 2021. MDK juga akan meningkatkan komitmen Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan agar sentiasa konsisten dalam mengamal, melaksana dan menguatkuasakan keselamatan perlindungan di tahap yang terbaik.



Penamaan Calon

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA UMUM (PRU) KE-15 BAGI P.058 BAGAN SERAI

5 November - Hari Penamaan Calon PRU ke-15 bagi P.058 Bagan Serai telah dilaksanakan di Kolej Vokasional Kerian, Bagan Serai. Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian Tuan Helmi Bin Yusof@Jusoh merangkap Pegawai Pengurus p.058 Bagan Serai telah mengumumkan calon-calon yang disahkan bertanding dalam Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.058 Bagan Serai, DUN N.10 Alor Pongsu, N.11 Gunong Semanggol dan DUN N.12 Selinsing. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua petugas yang terlibat dan selamat maju jaya diucapkan kepada semua calon.



KUNJUNGAN HORMAT MARITIM MALAYSIA ZON KUALA KURAU

14 Okt - Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan hormat daripada Agensi Pengawal Maritim Malaysia Zon Kuala Kurau yang diketuai oleh Pengarah zon yang baharu Encik Mohd Najhan Azman Hamid. Kunjungan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan Kerjasama strategik yang boleh dilaksanakan selain bertukar pandangan serta percambahan pendapat diantara kedua-dua agensi.





Program INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN (NHSI)

Pejabat Kesihatan Daerah Kerian telah menganjurkan program saringan kesihatan di bawah Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 (NHSI) untuk kakitangan Majlis Daerah Kerian berumur 40 tahun dan ke atas.

Program ini merupakan salah satu aktiviti di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang telah dilancarkan pada Julai 2022 yang lalu. Saringan telah diadakan pada 21 & 22 September di Wisma MDKerian serta di Pejabat Cawangan Parit Buntar dan Bagan Serai yang melibatkan 73 anggota kerja secara keseluruhannya.



Lawatan PENILAIAN JAWATAN KUASA PEMATUHAN SAGA BAGI SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH KERIAN

5 Okt - Satu sesi lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS) telah diadakan bertujuan bagi menilai sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang diguna pakai oleh MDK terhadap pematuhan SAGA seperti yang telah digariskan melalui surat pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 tahun 2018. Kerajaan memutuskan bahawa sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang diguna pakai oleh agensi kerajaan perlu mematuhi Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA).



Sesi ini telah dihadiri oleh para pegawai Jawatankuasa Pematuhan SAGA yang diketuai oleh Puan Anishah binti Abdul Wahid, Timbalan Pengarah, Bahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara, Malaysia, para pegawai Sekretariat Pematuhan SAGA, wakil dari Bahagian Kerajaan Tempatan, Puan Setiausaha Majlis, dan juga ahli-ahli jawatankuasa SAGA Majlis Daerah Kerian.

Agenda sesi penilaian ini adalah merangkumi pembentangan dari pihak Majlis berkaitan dengan latar belakang Majlis, latar belakang system aplikasi perakauan dan kewangan seperti modul-modul sistem kewangan utama dan sistem sokongan yang berkaitan di samping "network diagram" termasuk fizikal, logikal dan DRC.



MAJLIS PERASMIAN STADIUM MINI BAGAN SERAI DAN KEJOHANAN OLAHRAGA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DAERAH KERIAN TAHUN 2022

19 Julai – Majlis Perasmian Stadium Mini Bagan Serai dan Kejohanan Olahraga Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Kerian bagi tahun 2022 telah disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Sham bin Mat Sahat, Setiausaha Politik Menteri Besar Perak merangkap ADUN Alor Pongsu. Kejohanan olahraga kali ke-55 ini diadakan selama 3 hari bermula dari 19-21 Julai 2022. Majlis dimeriahkan dengan perarakan perbarisan sebanyak 70 buah sekolah rendah serta larian obor yang diketuai oleh Encik Mohd Zaki bin Sadri, bekas jaguh lompat jauh dan lompat kijang negara yang berasal dari Tanah Kebun, Parit Buntar.

Turut sama hadir dalam majlis perasmian ini YB Dato' Abdul Yunus bin Jamahri EXCO Kerajaan Negeri Perak merangkap ADUN Kuala Kurau; YB Encik Mohd Noor Bin Dawoo ADUN Selinsing; YB Encik Hasnol Zulkarnain Bin Abdul Munaim ADUN Titi Serong; YBhg. Orang Kaya-Kaya Shahbandar Paduka Indra, Ahmad Razif bin Dato' Seri Mohamad Zulkifli Orang Besar Jajahan Kerian; Encik Helmi bin Yusof Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian; Superitenden Marzuki bin Mat Ketua Polis Daerah Kerian, Encik Zolkifli bin Jamaluddin Timbalan PPD Pembangunan Bakat Murid dan Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan, Presiden Persatuan Sepak Takraw Negeri Perak.



KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN - REJUVENASI MINDA MENUJU KECEMERLANGAN

1-3 JULAI - Majlis Daerah Kerian telah mengadakan Kursus Pengukuhan Pasukan bertemakan Rejuvenasi Minda Menuju Kecemerlangan di Coral Bay Resort, Jalan Pasir Bogak, Pulau Pangkor Perak. Kursus selama 3 hari ini telah di kendalikan oleh saudara Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat). Seramai 30 orang peserta telah berjaya menamatkan kursus ini dan turut hadir sama dalam kursus ini Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad – Setiausaha Majlis Daerah Kerian.



PROGRAM TRANSFORMASI PASAR MALAM BAGAN SERAI

Pasar malam Bgn.Serai telah dipilih oleh kerajaan persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) utk program transformasi pasar malam. Di bawah peruntukan KPKT, program ini melibatkan penyediaan ruang solat lelaki dan wanita yang menggunakan khemah, tempat wuduk, penyediaan tong sampah dan pemberian lampu led kepada setiap peniaga pasar malam iaitu sejumlah 117 penerima. Turut hadir bersama program ini YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali ,Timbalan Menteri Kesihatan 1 yang merangkap Ahli Parlimen Bagan Serai bersama-sama Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh serta Setiausaha Majlis Puan Norhafishah binti Hj Mohamad. YB Dato Timbalan Menteri 1 juga turut meluangkan masa melawat dan beramah mesra bersama para peniaga.



PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN

6 Ogos – Majlis Daerah Kerian telah menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan bertempat di Kawasan Pekan Lama, Parit Buntar. Program ini telah mendapat sambutan yang amat meriah daripada penduduk setempat yang hadir beriadah Bersama keluarga serta melibatkan diri di dalam aktiviti yang dijalankan. Program Hari Tanpa Kenderaan dilaksanakan bertujuan mendidik masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat serta kesedaran bagi menjaga alam sekitar terutamanya kualiti udara.

Program yang bermula pada jam 7.30 pagi ini turut dihadiri oleh Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis ;YB. Encik Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim ADUN Titi Serong dan Encik Mior Firdaus bin Mior Abdul Aziz mewakili Pegawai Daerah Kerian yang turut Bersama-sama melakukan senamrobik. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Pertandingan mewarna, pertandingan timbang bola, sepak raga ratus, free market, kenderaan mainan elektrik. Program seumpama ini diharapkan dapat memberi impak terhadap alam sekitar dan seterusnya mendidik masyarakat tentang amalan gaya hidup sihat.





MAJLIS ANUGERAH SIJIL PEMATUHAN SAGA 2022

29 November - Satu majlis pengiktirafan Pematuhan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) yang dikenali sebagai Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) 2022 telah diadakan di Hotel LaCrista, Bandaraya Melaka pada tanggal 29 November 2022 dengan bertemakan "Glitz & Glamours Purple Night". Majlis ini telah dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Perunding (BKP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Sebanyak sepuluh (10) buah agensi-agensi kerajaan telah layak mendapat pengiktirafan tersebut yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia (ANM). Alhamdulillah, Majlis Daerah Kerian telah berjaya dan menerima pengiktirafan SAGA selepas melalui beberapa fasa pemantauan dan pematuhan yang dikelolakan oleh para pegawai Sekretariat Pemantauan dan Pematuhan SAGA dari pelbagai agensi seperti JANM, Kementerian Kewangan dan pihak MAMPU.



FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK TAHUN 2022

MANJUNG, 20 Oktober 2022 - Penyertaan pasukan koir Majlis Daerah Kerian dalam Festival Koir Pihak Berkuastra Tempatan Negeri Perak bagi meraih Piala YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan tahun 2022 membawa tuah apabila pasukan koir ini berjaya merangkul tempat ketiga dalam pertandingan ini. Pasukan koir Majlis Daerah Kerian telah menyampaikan dua buah lagu iaitu lagu patriotik Sejahtera Malaysia dan sebuah lagu tema bebas iaitu lagu rasmi Majlis Daerah Kerian yang bertajuk Menuju Kegemilangan.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Puan Mufidah binti Mahfodz, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan koir Majlis Daerah Kerian atas kejayaan ini.



MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022

8 Nov - Majlis Sambutan Hari Perancangan bandar Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2022, telah disempurnakan oleh YBhg Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya. Tema sambutan tahun ini adalah "Malaysia Berdaya Huni : Transformasi Bandar Masa Hadapan". Sempena sambutan tersebut, Majlis daerah Kerian telah menerima sijil penghargaan atas penganugerahan Bandar Mampan Terbaik 2022 (tempat ke- 3) yang disampaikan oleh YBhg. Datuk KSU KPKT. Sijil penghargaan tersebut telah diterima oleh Tuan Helmi bin Yusof @Jusof, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian. Turut hadir sama YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan TPr Dr. Alias Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia.



MAJLIS SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022

1 Nov - Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Perak
Tahun 2022, telah disempurnakan oleh YB Dato' Ahmad Suaidibin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bertempat di Hotel Casuarina Meru, Ipoh. Sempena sambutan tersebut, Majlis Daerah Kerian telah menerima sijil penghargaan atas penganugerahan bandar berdaya huni tahap tertinggi 2021 dan program pengukuran bandar mampan (MurniNets) yang disampaikan oleh YB Dato' SUK. Sijil penghargaan tersebut telah diterima oleh Tn YDP dan Pn. Setiausaha MDK. Turut hadir sama TPr Md Nazri bin Abdullah Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia, Puan Halizah binti Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan Gs Mohamed Zamri bin Mohd, Pengarah PLANMalaysia@Perak





Pertandingan KIK HORIZON BAHARU PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022

IPOH, 19 Okt - Majlis Daerah Kerian mencipta kejayaan apabila berjaya meraih naib johan dan tempat ketiga dalam pertandingan Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Horizon Baharu yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak tahun 2022. Kejayaan ini diraih melalui Kumpulan Meteor yang mendapat naib johan bagi kategori sosial (penciptaan) melalui Pengurusan Anjing Terbiar (MyPAL) dan Kumpulan One-Off yang meraih tempat ketiga bagi kategori sosial (penambahbaikan) melalui ciptaan Kaunter Pelbagai Guna.

Kedua-dua anugerah ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak kepada kedua-dua kumpulan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Kumpulan Meteor dan Kumpulan One-Off atas kejayaan ini.



Dua Produk KIK MAJLIS DAERAH KERIAN BERJAYA DIPERTANDINGKAN DI PERINGKAT NEGERI

IPOH, 22 September 2022 – Dua produk inovasi yang dihasilkan oleh dua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Majlis Daerah Kerian berjaya disenaraikan untuk pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu peringkat negeri Perak tahun 2022 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Majlis Daerah Kerian yang diwakili oleh Kumpulan One-Off dan Kumpulan Meteor telah membentangkan produk inovasi Kaunter Pelbagai Guna dan Sistem Pengurusan Anjing Terbiar (MyPAL). Kumpulan yang dianggotai enam orang ahli bagi setiap kumpulan terdiri daripada anggota kerja Majlis Daerah Kerian pelbagai gred perjawatan yang diketuai oleh Haji Anas bin Dolah (KIK One-Off) dan Encik Mohamad Syahrul Asraf bin Osman (KIK Meteor).

Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad telah hadir di lokasi pertandingan sebagai memberi sokongan kepada kedua-dua kumpulan yang bertanding ini. Turut hadir bersama semasa sesi pembentangan produk MyPAL, Encik Zulkarnain bin Syed Omar, Penolong Pegawai Veterinar Daerah Kerian.



PAMERAN sempena HARI INOVASI dan KREATIVITI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR TAHUN 2022

28 & 29 November - Majlis Daerah Kerian melalui kumpulan Meteor (Inovasi dan Kreativiti) telah menerima jemputan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membuka booth bagi Pameran sempena Hari Inovasi dan Kreativiti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2022 di Dewan Mestika Institut DBKL Cheras yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Azmi bin Hamid-Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL. Pameran dari kumpulan inovasi MDKerian ini diketuai oleh En. Mohamad Syahrul Asraf bin Hj. Osman selaku ketua kumpulan dan turut disertai 3 ahli lain. Tujuh (7) kumpulan daripada pelbagai jabatan dalaman DBKL yang bertanding untuk bagi pertandingan Hari Inovasi dan Kreativiti DBKL turut terlibat mengadakan pameran kepada orang ramai.



MAJLIS PELANCARAN INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA (iDAM)

18 Ogos - Bertempat di Hotel Zenith Putrajaya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) melalui PLANMalaysia telah melancarkan Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) yang telah dirasmikan oleh Menteri KPPT YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican. Sempena pelancaran tersebut, buat julung kalinya telah diadakan sesi penyampaian Sijil Penghargaan Bandar Paling Berdaya Huni 2021. Pengukuran ini adalah berdasarkan enam (6) Kriteria Utama (KU) dan 23 indikator melalui Sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar (MURNInets). Majlis Daerah Kerian telah terpilih antara 10 bandar paling berdaya huni di Malaysia. Sijil telah disampaikan oleh Menteri KPPT dan diterima oleh Puan Setiausaha, Puan Norhafisah binti Hj. Mohamad. Turut serta hadir adalah Timb. Menteri KPPT, KSU KPPT dan KP PLANMalaysia.



KURSUS PENYELENGGARAAN BUKU LOG KENDERAAN DAN BUKU INDEN MINYAK UNTUK KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KERIAN JAWATAN PEMANDU KENDERAAN DAN PEMANDU GANTIAN BIL 1 TAHUN 2022

7 & 8 Sept - Pihak Pengurusan Majlis telah mengadakan satu kursus dalaman penyelenggaraan buku log dan buku inden minyak kenderaan bertempat di Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada pemandu kenderaan dan pemandu gantian bagaimana pengisian buku log dan buku inden minyak dengan betul supaya perkara yang sama tidak berulang sepetimana teguran audit daripada Unit Audit Dalam. Ceramah bagi kursus ini telah disampaikan oleh Encik Rosli Bin Amran pemandu kenderaan yang berpengalaman dan telah berkhidmat di Majlis Daerah Kerian selama 17 tahun.



PROGRAM MUDBALL RAWATAN AIR SUNGAI

Jabatan Kesihatan Persekitaran telah melaksanakan Program Pembuatan dan Penggunaan 'Mudball' sebagai salah suatu alternatif dalam meningkatkan kualiti air dan seterusnya merawat air yang tercemar di dalam kawasan Daerah Kerian. Pinggiran Sungai, Jalan Syed Hamid, Pekan Lama telah dipilih sebagai lokasi program kerana Kawasan berkenaan menjadi tumpuan orang ramai. Program berkenaan telah disempurnakan oleh YB. En Hasnul Zulkarnain bin Abd Munaim ADUN Titi Serong serta turut dihadiri oleh Tn. Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis ; dan En. Mior Firdaus bin Mior Abdul Aziz mewakili Pegawai Daerah Kerian.

KAYUHAN MERDEKA 2022 AGENSI KERAJAAN DAERAH KERIAN



27 Ogos - Satu program Kayuhan Merdeka peringkat daerah Kerian telah diadakan bertempat di Kampung Padang Lalang, Semanggol melibatkan agensi-agensi kerajaan di Daerah Kerian. Program ini diadakan bertujuan menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan Negara kali ke-65 dimana kayuhan sejauh 25 kilometer ini mempunyai pengisian sempena bulan kemerdekaan. Kayuhan di ketuai oleh Tuan Pegawai Daerah Kerian dan Yang Dipertua Majlis serta 80 orang anggota perkhidmatan awam di daerah Kerian melalui jalan denai dan kampung-kampung. di dalam program itu juga, Tuan Pegawai Daerah turut menyampaikan bendera kepada kampung-kampung terpilih.



Semarak Kemerdekaan Peringkat Majlis Daerah

9 Ogos – Satu majlis sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang telah diadakan di perkarangan bangunan majlis sempena sambutan kemerdekaan kali ke-65. Majlis ini juga diadakan bertujuan untuk menaikkan semangat patriotism serta semangat mencintai tanah air dikalangan anggota kerja majlis. Bersama-sama kita mengibarkan jalur gemilang sebagai tanda cintakan negara . Merdeka! Merdeka! Merdeka!



KEMBARA MERDEKA KELUARGA MALAYSIA NEGERI PERAK TAHUN 2022

3 Ogos 2022 (Rabu) – Konvoi Kembara Merdeka Keluarga Malaysia disambut meriah di Taman Pinggiran Sungai Kerian, Parit Buntar, yang dipilih sebagai checkpoint terakhir sebelum diserahkan kepada Negeri Pulau Pinang. Program kembara ini diadakan sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan Dan Kempen Kibar Jalur 2022.

Terdapat keunikan pada program kali ini dimana penyerahan baton Jalur Gemilang daripada Kembara Merdeka Keluarga Malaysia Negeri Perak kepada Negeri Pulau Pinang dilakukan di atas sungai yang menggunakan bot pada jam 4.00 petang.

Jom #KeluargaMalaysia sama-sama kita semarakkan Bulan Kebangsaan dengan Kibaran Jalur Gemilang bertemakan #KeluargaMalaysiaTeguhBersama





PROGRAM SANTAI MERDEKA SIHAT BERSIH : PLOGGING & 10,000 LANGKAH

15 September – Majlis Daerah Kerian dengan Kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kerian telah mengadakan satu Program Santai Sihat dan Bersih iaitu aktiviti berjalan dan membersihkan Kawasan pelancongan yang bermula dari Sekolah Kebangsaan Kuala Kurau Baru dan berakhir di Kawasan pantai Ban Pecah, Tanjung Piandang Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan.

Program ini disertai oleh 600 orang peserta yang melibatkan pelajar, guru, wakil agensi kerajaan dan penghulu mukim serta anggota kerja Majlis Daerah Kerian. Program 10 000 langkah diketuai oleh YB. Dato Abdul Yunus bin Jamahri EXCO Kerajaan Negeri Perak merangkap ADUN Kuala Kurau. Program membersihkan Kawasan pelancongan telah mencapai matlamat yang telah ditetapkan dimana sebanyak lebih 200kg sampah sarap telah Berjaya dikumpulkan di Kawasan berkenaan.

Di dalam program ini juga turut diadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Lanskap dan Ceria Merdeka bagi kategori Institusi Pendidikan, Institusi Keagamaan dan Pejabat Kerajaan peringkat daerah Kerian. Hadiah telah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis kepada semua para pemenang.

SELAMAT TAHUN BARU

2023



TAHANIAH

10 PENERIMA ANUGERAH BANDAR BERDAYA HUNI TAHAP TERTINGGI 2021

sempena
MAJLIS PELANCARAN
INDEKS
DAYA HUNI
MALAYSIA (iDAM)



PERBADANAN
PUTRAJAYA



MAJLIS
PERBANDARAN
KAJANG



MAJLIS
BANDARAYA
PETALING JAYA



MAJLIS
PERBANDARAN
HANG TUAH JAYA



MAJLIS
BANDARAYA
ISKANDAR PUTERI



MAJLIS
DAERAH
KAMPONG



MAJLIS
DAERAH
KERIAN



MAJLIS
BANDARAYA
SUBANG JAYA



MAJLIS
BANDARAYA
MELAKA BERSEJARAH



MAJLIS
DAERAH
REMBAU



Sila imbas untuk
versi digital

MAJLIS DAERAH KERIAN



📍 No.1 Wisma MDK, Jalan Padang, 34200, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.

📞 +605 716 1228

📠 +605 716 9268

✉️ pentadbiran@mdkerian.gov.my

